

22/10/1999

Mahathir sedia beri keterangan kes Anwar

YAN, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersedia memberi keterangan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur sebagai saksi kes perbicaraan Datuk Seri Anwar Ibrahim dan adik angkatnya, Sukma Darmawan Sasmitaat Madja yang dituduh meliwat Azizan Abu Bakar.

Perdana Menteri berkata, beliau percaya sapina daripada Mahkamah Tinggi yang diminta oleh peguam bela Anwar, Karpal Singh adalah taktik peguam itu melengah-lengahkan perbicaraan.

Dr Mahathir berkata, Karpal meminta Mahkamah Tinggi mengeluarkan sapina untuk melanjutkan perbicaraan kes Anwar dan Sukma, yang dipanggil memberi keterangan membela diri berhubung tuduhan meliwat Azizan.

"Saya akan dipanggil jadi saksi. Saya akan pergi jadi saksi. Saya tahu tak ada apa pun, hanya Karpal nak panjang-panjang. Itu sebab saya nak dipanggil.

"Perbicaraan ini akan berterusan hingga pilihan raya," katanya ketika berucap pada perjumpaan dengan usahawan tani seluruh negara di Sekolah Menengah Batu 17, Sedaka, dekat sini hari ini.

Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur hari ini menetapkan Dr Mahathir hadir pada 28 Oktober ini bagi memberi keterangan berhubung kes liwat membabitkan Anwar dan Sukma Darmawan.

Hakim Datuk Ariffin Jaka membuat keputusan itu selepas diberitahu oleh peguam bela Sukma Darmawan, Jagdeep Singh Deo bahawa pihaknya ingin Perdana Menteri hadir ke mahkamah pada tarikh itu.

Dr Mahathir juga berkata, isu Anwar diracun seperti didakwa Karpal tidak akan menjadi sebahagian daripada perbicaraan dalam kes liwat kerana ia adalah cara Karpal melewati-perbicaraan itu.

"Baru-baru ini dah kata Anwar diracun dengan arsenik oleh Perdana Menteri. Karpal kata orang atasan (yang bertanggungjawab). Soal keracunan tidak menjadi sebahagian perbicaraan kes liwat.

"Kes arsenik ini ialah satu cara Karpal untuk memanjang-manjangkan perbicaraan ini. Perbicaraan ini tak pernah berlaku dalam sejarah, berbulan-bulan tak habis," katanya.

Dalam ucapan yang sama, Perdana Menteri mengingatkan rakyat supaya memelihara perpaduan bagi memastikan kemerdekaan negara tidak digugat kuasa asing yang sentiasa mencari peluang menjajah negara sekali lagi.

Dengan mengambil contoh perpaduan orang Melayu menentang gagasan Malayan Union dan persefahaman Umno, MCA dan MIC dalam Perikatan, Dr Mahathir berkata, tanpa perpaduan, negara akan dijajah semula.

"Kita harus memelihara perpaduan ini. Kita tidak boleh benarkan perpaduan pecah. Apabila kita lemah, ada pihak lain yang akan mencelah untuk melumpuhkan kita sama sekali supaya dapat kuasai negara kita.

"Selepas merdeka, jangan kita fikir dengan sendirinya kemerdekaan akan berterusan tanpa dipelihara. Jangan fikir sekali merdeka selama-lamanya merdeka," katanya.

Dr Mahathir berkata, rakyat tidak seharusnya membiarkan diri mereka dihasut oleh parti pembangkang yang sentiasa mencari peluang untuk memburuk-burukkan usaha Barisan Nasional (BN) memajukan negara.

(END)